

Unisza sasar pelajar antarabangsa

KUALA TERENGGANU –

Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) menyasarkan pengambilan pelajar bertaraf antarabangsa dengan membina kampus di China dan Kuala Lumpur, yang dijangkakan pengambilan pelajar sesi pertama bermula September ini.

Naib Canselornya, Prof Dr Yahaya Ibrahim berkata, universiti tersebut berkolaborasi dengan konsortium universiti-universiti China dengan mewujudkan kampus di negara tersebut dan membina kampus antarabangsa di Kuala Lumpur, bagi menarik pelajar luar negara mendaftar sebagai pelajar Unisza.

Menurutnya, universiti itu mendapat perhatian pelajar luar negara, terutama dari China, Timur Tengah dan Indonesia.

"Insya-ALLAH kita akan menubuhkan kampus luar di China dan kampus antarabangsa di Kuala Lumpur tidak lama lagi. Pendekatan ini adalah bagi menampung keperluan pelajar antarabangsa yang (berminat) ingin melanjutkan pelajaran mereka di Unisza tetapi kurang berminat untuk datang ke Terengganu."

"Tempat dan bangunan untuk kedua-dua kampus telah dikenal pasti dan kini dalam proses rundingan, jika berjalan lancar, pengambilan pelajar sesi pertama akan diadakan pada September," katanya.

Beliau berkata demikian se-



Yahaya (kanan) bermesra dengan sebahagian penerima anugerah cemerlang Unisza.

masa sidang media selepas hadir pada Majlis Ucap tama Tahunan Naib Canselor dan Penganugerahan Kecemerlangan Unisza 2013 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Yahaya berkata, bagi pengambilan sesi pertama, dijangka seramai 500 pelajar bagi kedua-dua kampus tersebut akan mula mendaftar pada September ini.

Katanya, kursus-kursus yang ditawarkan di kedua-dua kampus adalah apa yang ditawarkan di Unisza.

"Kita akan menyediakan kursus yang mendapat permintaan. Kita juga turut menawarkan tempat pengajian dengan pelajar Muslim di China dan akan menempatkan mereka di kampus China," katanya.

Sementara itu, perpindahan kam-

pus Tembila, Besut telah bermula (1 Julai) dengan melibatkan dua fakulti iaitu Fakulti Informatik dan Komputeran dan Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan.

Katanya, dengan perpindahan ini, maka bermulalah penempatan staf serta pelajar di kampus Besut yang menjadi kampus cawangan baru.

"Seramai 900 pelajar lama dan baru telah mula berpindah. Semua kemudahan kelengkapan asrama telah siap sepenuhnya kecuali makmal masih belum lengkap, Insya-ALLAH ia akan dilengkapkan pada tahun ini juga."

"Fasa awal (pertama) akan disiapkan dalam tahun ini manakala fasa-fasa seterusnya bergantung kepada kerajaan," katanya.